

Tuliskan jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

tetapi	walaupun	semoga	atau	ketika
manakala	lalu	kerana	dan	sambil

1. Guru itu sering dipuji _____ rajin bekerja.
2. Shahrul bukan sahaja pemurah _____ baik hati.
3. Pencuri memasuki rumah itu _____ penghuninya sedang tidur nyenyak.
4. Qaedi akan menghadiri mesyuarat di Kuala Belait pada minggu hadapan _____ bulan hadapan?
5. Amin mengambil buku itu _____ menyerahkannya kepada cikgu.
6. Fatin berkata-kata _____ merenung wajah temannya.
7. Adam _____ Darwish sangat gembira kerana mereka mendapat keputusan yang cemerlang dalam Peperiksaan Akhir Tahun.
8. Sulaiman berdoa _____ keluarganya sentiasa sihat.
9. Pak Cik Munap menebas semak-samun _____ isterinya menyapu sampah.
10. Halim tetap dengan pendiriannya untuk berhijrah ke bandar _____ ditentang oleh ibunya.